

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(1)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 01 TAHUN 2015**

Tarikh : 28 Januari 2015 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 5. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 6. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 9. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |
| 10. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
7. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
8. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
9. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
11. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
12. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
13. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Pengarah, Jabatan Bangunan

14. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
15. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
16. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
17. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
18. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
19. Puan Satinah binti Safirol
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
20. Encik Samzol bin Saat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat
21. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
22. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
23. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
24. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
25. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
26. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
27. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan

28. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
29. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
30. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
31. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
32. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
33. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
34. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
35. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
36. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
37. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
39. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
40. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
41. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

42. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
43. Encik Nazri Faiz bin Zainal
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
44. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
45. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
46. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
47. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
48. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
49. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
50. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
51. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
52. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
53. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
54. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
55. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

56. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
57. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
58. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
59. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
60. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
61. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
62. Puan Diana binti Mohamad Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

URUSETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN PENERUSI

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 01/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH DAN MENANDATANGANI WATIKAH PELANTIKAN SEBAGAI YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan Majlis Mengangkat Sumpah Dan Menandatangani Watikah Pelantikan Sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya pada 12 Januari 2015 (Isnin), jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, MPSJ.

Pihak Majlis merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan sebagai Yang Dipertua MPSJ yang keenam berkuatkuasa pada 02 Januari 2015.

2.2 INISIATIF BANDAR HIJAU/GREEN CITY MPSJ

Seiring dengan aspirasi MPSJ untuk merealisasikan MPSJ sebagai Bandar Hijau yang mampan menjelang tahun 2030, MPSJ telah melantik 22 orang pegawai sebagai Duta Hijau/*Green Ambassador* (G.A MPSJ).

Diharapkan agar Duta Hijau (G.A MPSJ) yang telah dilantik ini dapat membantu MPSJ membentuk komuniti hijau yang mampu berdikari dalam melaksanakan inisiatif hijau di peringkat komuniti. Pada masa yang sama MPSJ akan terus memainkan peranan selaku kerajaan tempatan yang efektif dalam semua bidang termasuk inisiatif hijau.

2.3 LAB PENURUNAN KES DEMAM DENGGI MPSJ

MPSJ telah menganjurkan lab bagi mengenalpasti punca/masalah, membincangkan serta mencari resolusi dalam menangani isu-isu berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiran MPSJ pada 22 - 23 Januari 2015 (Khamis dan Jumaat). Lab ini telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi MPSJ dan semua Ketua Jabatan.

2.4 CAR BOOTH SALE KEAMANAN

Program ini merupakan kali pertama diadakan di Kompleks 3C MPSJ. Ia mensasarkan peniaga-peniaga kiosk dan peniaga *car booth* di seluruh Negeri Selangor. Objektif ia diadakan adalah untuk membantu mempromosikan peniaga-peniaga yang tiada premis tetap dan hanya membuka kiosk-kiosk jualan di sekitar Lembah Klang. Memperkenalkan kepada penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ tentang kemudahan jualan di kiosk-kiosk terbuka *car booth sale* yang dianjurkan ini. Selain itu ia memberi ruang kepada peniaga untuk mengembangkan jualan produk yang mungkin belum diperkenalkan kepada orang awam.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, Yang Dipertua MPSJ pada 25 Januari 2015 (Ahad), jam 9.00 pagi bertempat di Kompleks 3C MPSJ. Butiran lanjut mengenai program ini adalah seperti berikut:

Tarikh Program : Setiap Hari Ahad
Masa : 8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
Tempat : Kompleks 3C MPSJ, Subang Jaya

Cadangan Bayaran : RM 10.00 satu kereta setiap kali berniaga.
Sasaran Peserta : Golongan remaja, belia dan pelajar.

2.5 MAJLIS SUAI KENAL YANG DIPERTUA MPSJ DAN APRESIASI MEDIA MPSJ 2014

MPSJ akan mengadakan Majlis Suai Kenal Yang Dipertua MPSJ dan Apresiasi Media MPSJ 2014 pada 30 Januari 2015 (Jumaat), jam 3.15 petang bertempat di Dewan Bahamas 1, Level 12, Sunway Resort Hotel & Spa.

Objektif pelaksanaan majlis ini ialah untuk menzahirkan penghargaan dan pengiktirafan kepada pihak media di atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan sepanjang tahun 2014 sekaligus menjalinkan hubungan yang lebih baik dengan mereka dalam menaikkan lagi nama dan imej MPSJ selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cemerlang dan bertaraf 5 Bintang.

Pada masa yang sama, bersempena dengan kehadiran Yang Dipertua MPSJ yang baharu, pihak Majlis mengambil kesempatan dengan menggunakan platform ini untuk memperkenalkan Yang Dipertua MPSJ yang baharu kepada pihak media sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan yang terjalin di antara MPSJ dengan pihak media.

2.6 MAJLIS ANUGERAH JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) DAN ZON BERSIH JKP MPSJ 2014

Objektif program ini diadakan adalah sebagai tanda penghargaan terhadap usaha-usaha JKP MPSJ dalam memajukan masyarakat di samping memberi galakan kepada JKP untuk terus aktif dalam melaksanakan program-program kemasyarakatan. Anugerah ini merupakan sebagai pendorong semangat dan motivasi agar pihak JKP MPSJ terus berusaha untuk melaksanakan program dan aktiviti kemasyarakatan dengan penuh tanggungjawab.

Majlis anugerah ini juga diadakan bagi mewujudkan persaingan secara sihat di kalangan JKP MPSJ dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan selaras dengan objektif MPSJ untuk mewujudkan JKP MPSJ yang bersih, cantik dan harmoni serta menekankan aspek-aspek 'Go Green'.

Selain itu, majlis ini turut diadakan bagi meraikan dan menghargai mantan Ahli Majlis MPSJ di atas jasa dan sumbangan mereka semasa tempoh perkhidmatan mereka di MPSJ. Majlis Anugerah ini akan diadakan pada 01 Februari 2015 (Ahad), jam 8.00 malam bertempat di Vintage Ballroom, Holiday Villa, Subang Jaya.

Di antara kategori anugerah yang disediakan dalam Majlis Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan Zon Bersih JKP MPSJ 2014 ialah:

A. ANUGERAH JKP MPSJ 2014

- i. Anugerah Program Kemasyarakatan JKP MPSJ Terbaik
- ii. Anugerah Pengurusan Kewangan JKP MPSJ Terbaik
- iii. Anugerah Pengurusan Projek JKP MPSJ Terbaik
- iv. Anugerah Kepimpinan JKP MPSJ Terbaik
- v. Anugerah Pegawai Kawasan JKP MPSJ Terbaik
- vi. Anugerah JKP MPSJ Terbaik Keseluruhan

B. ANUGERAH ZON BERSIH JKP MPSJ 2014

- i. Penganjuran Program Kemasyarakatan
- ii. Pengurusan Inden JKP dan Peruntukan Zon Bersih
- iii. Pemantauan Kebersihan Persekitaran
- iv. Pemantauan Kesihatan Awam
- v. Dokumentasi
- vi. Anugerah Khas Inovasi
- vii. Zon Bersih JKP MPSJ Terbaik Keseluruhan

2.7 MESYUARAT PENGURUSAN STRATEGIK, PELAN OPERASI TAHUNAN DAN BAJET 2014/2015 MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Mesyuarat Pengurusan Strategik, Pelan Operasi Tahunan dan Bajet 2014/2015 Majlis Perbandaran Subang Jaya akan diadakan pada 12 hingga 14 Februari 2015 (Khamis – Sabtu).

Mesyuarat ini bertujuan untuk mengukur, mengkaji dan membincangkan pencapaian pelan tindakan tahun 2014 di samping menetapkan hala tuju dan merangka strategi pengurusan melalui pelaksanaan bajet berimbang bagi program-program tahun 2015.

2.8 AUDIT SURVEILLANCE MS ISO 9001:2008 OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

Majlis Perbandaran Subang Jaya dijangka akan menerima kunjungan Panel Penilai Audit Pematuhan Pensijilan MS ISO 9001:2008 daripada pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada bulan Mac 2015.

Untuk makluman, tahun ini MPSJ akan berhadapan dengan audit pensijilan semula bagi Pensijilan MS ISO 9001:2008 yang telah diterima oleh MPSJ pada 06 April 2012 yang lalu. MPSJ sentiasa berusaha menyampaikan perkhidmatan terbaik mengikut piawaian MS ISO 9001:2008 bagi menjamin hak organisasi dan pelanggan.

2.9 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sepanjang tahun 2014, terdapat sebanyak 8611 kes denggi dilaporkan dan sebanyak 8255 kes disahkan positif di kawasan pentadbiran MPSJ.

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 2 (iaitu sehingga 17 Januari 2015) adalah sebanyak 543 kes denggi telah dilaporkan di kawasan MPSJ dan terdapat tiga puluh tujuh (37) kawasan 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ.

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Menjelang perayaan Tahun Baru Cina yang bakal menjelang tidak lama lagi, dijangka ramai penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ akan meninggalkan rumah untuk pulang ke kampung masing-masing atau pun pergi bercuti sempena cuti perayaan Tahun Baru Cina.

Sehubungan itu, penduduk perlu memastikan kawasan kediaman dan premis masing-masing bebas daripada tempat-tempat pembiakan aedes dengan memusnahkan tempat-tempat atau bekas-bekas yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes sebelum meninggalkan rumah dan premis masing-masing.

Peringatan Mesra Kerajaan Negeri Selangor

“Wabak denggi semakin serius dan meningkat. Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan menghapuskan tempat menakung air di tempat kediaman dan tempat kerja. Jagalah kebersihan setiap hari, setiap masa, di mana jua”.

2.10 SISTEM LETAK KERETA BERKUPON MPSJ

Bermula pada 02 Februari 2015, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan menguatkuasakan bayaran letak kereta di kawasan-kawasan baru dengan menggunakan Sistem Letak Kereta Berkupon di kawasan MPSJ selaras dengan Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 1999, pindaan 2007.

Bilangan tempat letak kereta yang akan dilaksanakan adalah:

LOKASI	KAWASAN KOMERSIAL	KAWASAN INDUSTRI	JUMLAH
KAWASAN BARU	4,037	6,068	10,105

Berikut adalah dasar MPSJ bagi bayaran letak kereta untuk Sistem Bayar Dan Peraga dan Sistem Letak Kereta Berkupon:

CADANGAN
i) Sistem Kupon hanya boleh digunakan di kawasan letak kereta baru sahaja (Industri dan Kawasan Komersial);
ii) Kawasan sedia ada (lama) kekal menggunakan Sistem Mesin Bayar dan Peraga (P&D);
iii) Kupon tidak boleh digunakan di kawasan sedia ada (lama);
iv) Tiket dari mesin Bayar dan Peraga juga tidak boleh digunakan di kawasan baru (kupon).

Pihak Majlis akan melaksanakan tempoh percubaan sekurang-kurangnya 6 bulan bagi Sistem Letak Kereta Berkupon ini.

Objektif / Tujuan percubaan tempoh 6 bulan adalah untuk;

Membuat perbandingan keberkesanan / kejayaan / penerimaan terhadap Sistem Letak Kereta Berkupon berbanding penggunaan Sistem Mesin Bayar dan Peraga.

2.11 MISI KEMANUSIAAN MPSJ - BANTUAN MANGSA BANJIR DI PANTAI TIMUR

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang prihatin, juga atas tanggungjawab sosial, Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menggerakkan Misi Kemanusiaan MPSJ - Bantuan Mangsa Banjir Di Pantai Timur menerusi empat (4) fasa bantuan yang telah dijalankan oleh pihak Majlis. Misi bantuan ini adalah bertujuan untuk membantu dan mengurangkan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir dan penduduk yang terjejas akibat bencana banjir. Pihak Majlis amat prihatin dan mengambil berat kegetiran dan kesulitan yang dilalui oleh mangsa-mangsa banjir. Usaha murni ini dilihat sebagai penglibatan MPSJ dalam program kemanusiaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) MPSJ dalam membantu pihak-pihak dan penduduk-penduduk di beberapa daerah di Pantai Timur akibat kejadian bencana banjir yang melanda beberapa negeri baru-baru ini.

Butiran mengenai empat (4) fasa bantuan tersebut adalah seperti berikut:

FASA 1 - Penyerahan Sumbangan Bantuan Mangsa Banjir

Tarikh : 29 - 31 Disember 2014
Lokasi : Manek Urai - Dabong - Jeli - Tanah Merah - Kuala Krai, Kelantan

Anggota Terlibat :

Seramai 34 orang peserta yang terdiri daripada Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ telah menyertai Misi Kemanusiaan MPSJ Fasa 1 ini termasuk Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Tuan Haji Abdullah bin Marjunid dan dua orang Ahli Majlis MPSJ iaitu Encik Sufari bin Tinnin dan Encik Michael Noel Jalleh.

FASA 2 - Penyerahan Sumbangan Bantuan Mangsa Banjir

Tarikh : 01 – 03 Januari 2015
Lokasi : Gua Musang – Kuala Krai, Kelantan

Anggota Terlibat :

Seramai 34 orang peserta yang terdiri daripada Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ telah menyertai Misi Kemanusiaan MPSJ Fasa 2 ini termasuk dua orang Ahli Majlis

MPSJ iaitu Encik Pooi Weng Keong dan Encik Tai Cheng Heng. Misi bantuan ini turut disertai oleh beberapa orang wakil daripada pihak JKP MPSJ.

FASA 3 - KERJASAMA MPSJ & MDHS (PASCA BANJIR)
- Penyerahan Sumbangan Bantuan Mangsa Banjir Dan Aktiviti Pembersihan Kawasan

Tarikh : 07 - 10 Januari 2015

Lokasi : Daerah Dabong, Kelantan

Anggota Terlibat :

Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ telah menyertai Misi Kemanusiaan MPSJ Fasa 3 ini. Misi bantuan ini turut disertai oleh 15 orang Pegawai dan Warga Kerja Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

FASA 4 (PASCA BANJIR)
- Penyerahan Sumbangan Bantuan Mangsa Banjir

Tarikh : 16 – 18 Januari 2015

Lokasi : Daerah Dabong, Kelantan

Anggota Terlibat :

Seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai dan Warga Kerja MPSJ telah menyertai Misi Kemanusiaan MPSJ Fasa 4 ini termasuk tiga orang Ahli Majlis MPSJ iaitu Encik Pooi Weng Keong, Encik Tai Cheng Heng dan Encik Loka Ng Sai Kai. Misi bantuan kali ini turut disertai oleh wakil Pejabat Exco dan beberapa orang wakil daripada pihak JKP MPSJ.

Pihak Pengurusan MPSJ merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Majlis MPSJ, Pengarah, Pegawai, Warga Kerja MPSJ dan penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ yang telah memberi sumbangan tenaga, wang tunai, harta benda dan barangan keperluan kepada mangsa banjir di Pantai Timur dalam misi bantuan kemanusiaan yang dianjurkan oleh MPSJ. Terima kasih di atas keprihatinan dan kepekaan semua pihak yang membantu dalam misi tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dijalankan oleh MPSJ baru-baru ini.

2.12 PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2015

Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina 2015 kepada Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang berbangsa Cina. Tahun Baru Cina akan disambut pada 19 Februari 2015 (Khamis). Kedatangan tahun baru iaitu Tahun Kambing sudah pastinya disambut meriah oleh masyarakat Cina. Semoga sambutan perayaan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan anda yang meraikannya.

Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran perayaan Tahun Baru Cina yang bakal menjelma ini, marilah kita bersama-sama meraikannya dengan penuh syukur dan muhibbah.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 11/2014 BERTARIKH 24 DISEMBER 2014.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11/2014 bertarikh 24 Disember 2014 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 01/2015 Bertarikh 07 Januari 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 10.2 m.s 125	En. Pooi Weng Keong	Pembuangan Sampah Secara Haram Di Seri Kembangan	Beliau memohon maklumat status terkini berhubung terdapat tempat pembuangan sampah secara haram di Seri Kembangan. <u>Maklumbalas:</u> Pengarah Pengurusan Alam Sekitar memaklumkan bahawa pihak Jabatan sedang mengaturkan tindakan pembersihan dan penguatkuasaan di kawasan tersebut

				<p>dan juga di seluruh kawasan Majlis. Pihak Jabatan turut mengenalpasti terdapat kes seumpama ini yang merupakan kes-kes yang berulang.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan mengambil tindakan tegas berhubung perkara ini dengan meneruskan tindakan undang-undang dan mahkamah.</p> <p>Justeru itu, pihak Majlis mengambil pendekatan tiada lagi pengeluaran kompaun sebaliknya terus membawa kes seumpama ini ke mahkamah.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 02/2015 Bertarikh 21 Januari 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.13 m.s 54	En. Chia Yew Ken	Permohonan Kebenaran Merancang Membuat Perubahan Material Kegunaan Bangunan Daripada Perusahaan Kepada Restoran Di Alamat No. 1, Jalan SS 13/5, Subang Jaya. Untuk : Euro Werks Sdn. Bhd.	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung permohonan Kebenaran Merancang ini sehingga satu lawatan tapak diadakan oleh pihak Majlis ke kawasan tersebut. <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Pelesenan mengaturkan segera lawatan tapak ke kawasan tersebut bagi meninjau kesesuaian permohonan yang dikemukakan.
2	para 5.23 m.s 65	En. Pooi Weng Keong	Regina Development Sdn. Bhd.	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung rayuan

				<p>permohonan kelulusan Nama Bangunan dan Pelan Alamat bagi Cadangan Pendirian Bangunan 1 Blok (4 Menara) Bangunan Pangsapuri 21 Tingkat di atas Lot 62805, Jalan Subang Permai, USJ 1, Subang Jaya.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 01/2015 bertarikh 28 Januari 2015 telah bersetuju mengekalkan nama asal bagi projek pembangunan ini iaitu Regina USJ 1.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 01/2015 Bertarikh 09 Januari 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 7.5.2 m.s 17	Puan Norzaihan binti Ismail	Kerosakan Jalan Oleh Kerja-Kerja Pembinaan Projek LRT Oleh Prasarana Malaysia Berhad	<p>Beliau memaklumkan bahawa kerosakan jalan dan jalan mendap yang berlaku di Jalan Berkat, Puchong berikutan kerja-kerja pembinaan jajaran dan laluan LRT masih tidak diambil tindakan pembaikan oleh pihak Prasarana Malaysia Berhad.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengadakan lawatan tapak ke kawasan berkenaan dan mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan perkara-perkara berbangkit berhubung permasalahan ini.</p>
2	para 7.5.2 m.s 17	En. Loka Ng Sai Kai	Isu Banjir Di SJKC Kung Man	Beliau meminta pihak Majlis mengambil tindakan untuk menangani permasalahan

				<p>berhubung isu banjir di SJKC Kung Man di Serdang Lama.</p> <p>Sehubungan itu, beliau memohon diadakan lawatan tapak bersama Ahli Majlis kawasan secepat mungkin.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan selanjutnya bagi mengenalpasti punca berlakunya kejadian banjir di kawasan tersebut.</p> <p>Pihak Jabatan juga diminta untuk membuat kajian secara menyeluruh bagi melihat kaedah dan alternatif yang sesuai untuk dilaksanakan dalam menyelesaikan masalah ini.</p> <p>Pihak Jabatan seterusnya diminta untuk mengadakan mesyuarat koordinasi bersama agensi-agensi yang berkaitan seperti JPS dan MPKj bagi mengadakan perbincangan lanjut</p>
--	--	--	--	---

				berhubung penyelesaian kepada isu ini.
3	para 7.5.3 m.s 17	En. Tai Cheng Heng	Hal-Hal Lain	<p>Beliau mencadangkan penubuhan semula Jawatankuasa bagi membincangkan mengenai kemudahan pengangkutan awam dan penggunaan bas mini di lokasi yang sibuk di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancang Bandar untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini dan membuat kajian pengangkutan dan pengurusan trafik bagi melihat kaedah dan alternatif yang sesuai untuk dilaksanakan dalam menyelesaikan isu-isu berbangkit berhubung perkara ini.</p>
4	Hal-Hal Lain	Ir. Izham bin Hashim	Ketidakhadiran Wakil JKR Dan JPS Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur	Beliau memohon supaya Pihak Majlis mengambil pendekatan untuk memastikan kehadiran wakil JKR dan JPS dalam

				<p>Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur. Ini berikutan masalah ketidakhadiran wakil JKR dan JPS kerap kali berlaku dan ia telah memberi kesan kepada banyak perkara yang berkaitan dengan isu-isu yang melibatkan bidang kuasa JKR dan JPS.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini dan memastikan kehadiran wakil JKR dan JPS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 01/2015 Bertarikh 09 Januari 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.3 m.s 4	Puan Norzaihan binti Ismail	Status Perobohan Kilang Haram Di Kampung Sri Aman	Beliau memohon maklumbalas terkini berhubung status perobohan kilang haram di Kampung Sri Aman, Puchong. <u>Maklumbalas:</u> Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 01/2015 bertarikh 28 Januari 2015 telah bersetuju dengan tindakan perobohan ke atas kilang-kilang haram dan meneruskan dengan tindakan undang-undang dan mahkamah.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 01/2015 Bertarikh 12 Januari 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 6.2 (i) m.s 14	En. Wan Hock Leong	Menaiktaraf Subsoil Drainage Di Jalan PJS 7/7, Bandar Sunway	Beliau memohon maklumbalas berhubung status cadangan menaiktaraf subsoil drainage di Jalan PJS 7/7, Bandar Sunway berdekatan dengan Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) kerana sering berlaku kejadian banjir selepas hujan. <u>Maklumbalas:</u> Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa perkara ini telah diambil tindakan oleh pihak Jabatan dan ia dalam peringkat penyediaan dokumen sebutharga/tender.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 01/2015 Bertarikh 19 Januari 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.16 m.s 16	En. Loka Ng Sai Kai	Pelantikan Ahli Mesyuarat Teknikal Bagi Membincangkan Penyewaan Tapak Paparan Iklan Di Atas Tanah Kerajaan Di Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya	<p><u>Pindaan Minit :</u></p> <p>Beliau memaklumkan terdapat pindaan Minit Mesyuarat berkenaan keahlian mesyuarat ini.</p> <p>Beliau memaklumkan bahawa mesyuarat turut bersetuju melantik Ahli Majlis, Encik Tai Cheng Heng sebagai ahli mesyuarat tersebut dan nama beliau tidak dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Perbendaharaan mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat.</p>

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 01/2015 Bertarikh 19 Januari 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

5.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 5.1** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID), S.I.S., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA